

1982

PULAU PINANG, 12 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT DENGAN KERJASAMA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI AKAN MELAKSANAKAN BERATUS-RATUS 'PROJEK' PEMBANGUNAN SEMULA YANG KOMPREHENSIF UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP GOLONGAN YANG KURANG BERADA DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA PROJEK-PROJEK SEUMPAMA ITU AKAN DILENGKAPKAN DENGAN BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN ASAS TERMASUK TEMPAT TINGGI DAN RUANG-RUANG PERNIAGAAN.

BERUCAP MERASMIKAN PELANCARAN SALAH SEBUAH PROJEK TERSEBUT DI JALAN KEDAH DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN PIMPINANNYA MERASA BERKEWAJIPAN MENYEDIAKAN BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN UNTUK MENJAMIN SUASANA HIDUP YANG PALING MEMUASKAN BAGI SETIAP GOLONGAN RAKYAT.

PROJEK PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF JALAN KEDAH INI MERUPAKAN SATU PROJEK CONTOH YANG DIJADUALKAN DIKEMBANGKAN KE BANDAR-BANDAR LAIN DI SELURUH NEGARA.

IA AKAN MENEMPATKAN PARA PENDUDUK YANG TERDIRI DARI BERBAGAI KAUM. -- BERSAMBUNG 1529/MK

MAHATHIR - PROJEK 2 PULAU PINANG

+SUDAH MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN KAWASAN INI BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP PENGHUNINYA SETANDING DENGAN PENDUDUK-PENDUDUK DI KAWASAN BERHAMPIRAN YANG TELAH DIMAJUKAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PELAKSANAAN PROJEK SEUMPAMA ITU, JELAS PERDANA MENTERI, AKAN MEWUJUDKAN SATU KAWASAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH TERSUSUN DAN SISTEMATIS.

+KERAJAAN PIMPINAN SAYA SEDAR GOLONGAN-GOLONGAN YANG KURANG BERADA DI NEGARA INI AMNYA DAN KAWASAN JALAN KEDAH INI KHASNYA PERLU DIBANTU DALAM MENINGGIKAN TARAF HIDUP MASING-MASING,+ KATA BELIAU.

MENYEDARI HAKIKAT INI, PROJEK PEMBANGUNAN INI DILAKSANAKAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT,+ TEGASNYA.

PROJEK PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF JALAN KEDAH MERUPAKAN SEBUAH PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MEMBELI-BELAH DAN RUMAH PANGSA YANG ULUNG DI KAWASAN BANDARAYA GEORGETOWN.

IA AKAN DILAKSANAKAN DI ATAS SEBIDANG TANAH SELUAS 7,781 METER PERSEGI. -- BERSAMBUNG 1605/MK

B616:

MAHATHIR-PROJEK 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PENDUDUK-PENDUDUK BANDAR YANG BERTHARAJAH DARI KAMPUNG SUPAYA KEKAL TINGGAL DI BANDAR WALAUPUN KEADAANNYA TIDAK MEMUASKAN.

+KERAJAAN BERHASRAT MENYEDIAKAN KAWASAN PENEMPATAN ATAU PERKAMPUNGAN MODEN DI BANDAR UNTUK GOLONGAN INI BAGI MENJAMIN MASA DEPAN MEREKA,+ TEGASNYA.

KERAJAAN JUGA KATANYA AKAN MENEMPATKAN SEMULA PARA SETINGGAN KE PERKAMPUNGAN-PERKAMPUNGAN MODEN INI SECARA TERSUSUN SEHINGGA MENCAPAI TARAF SOSIO-EKONOMI YANG MEMBANGGAKAN.

MEREKA YANG MAHUKAN KERAJAAN YANG CEKAP, BERSIH DAN AMANAH HENDAKLAH MENGAMALKAN SIKAP YANG SEDEMIKIAN SELARAS DENGAN PENTADBIRAN KERAJAAN SEKARANG.

BELIAU MENYERU MASYARAKAT DARI BERBAGAI LAPISAN KAUM DI KAWASAN JALAN KEDAH SUPAYA MENJAGA IMEJ KAWASAN ITU AGAR MENJADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT SEKITAR. --BERSAMBUNG 1626/OM

B617:

MAHATHIR-PROJEK 4 PULAU PINANG

KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU DALAM UCAPANNYA BERKATA, DALAM TAHUN LAPAN PULUHAN INI, KERAJAAN SEDANG MELAKSANAKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN BANDAR BERSAMA DENGAN RANCANGAN MENYELURUH TERSEBUT.

KERAJAAN YAKIN BAHAWA SEMUA PENDUDUK NEGERI INI KHUSUSNYA MEREKA DARI GOLONGAN YANG BERPENDAPATAN RENDAH DAN MEMERLUKAN PERUMAHAN, AKAN DIPERUNTUKKAN PERUMAHAN YANG MEREKA HARAPKAN ITU TIDAK LAMA LAGI, TEGAS BELIAU.

MENURUT DR. LIM, KERAJAAN JUGA TELAH MENYEDIAKAN PERUMAHAN ALTERNATIF YANG SEMENTARA ATAU YANG BERHAMPIRAN UNTUK MENGURANGKAN MASALAH PERUBAHAN TEMPAT DAN YANG KESULITAN YANG DIAKTIBATKAN OLEH RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG TELITI T KERAJAAN.

PUSAT PENYELIDIKAN DASAR DI UNIVEWRSITI SAINS MALAYSIA (USM), TAMBAH BELIAU, SEDANG MENJALANKAN SATU KAJIAN PERANCANGAN YANG TELITI

TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN JALAN KEDAH MELIPUTISATU KAWASAN SELUAS 14.2 HEKTAR DI SEMPADAN JALAN TRANSFER, JALAN BURMAH, JALAN LARUT DAN LORONG HUTTON.

KAJIAN PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN JALAN KEDAH INI AKAN MEMBOLEHKAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG (MPPP) MENYEDIAKAN SATU PELAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF JALAN KEDAH.

PROJEK KAWASAN PEMBANGUNAN KOMPREHEBNSIF JALAN KEDAH TELAH DIJALANKAN DSENGAN KERJASAMA MPPP DAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) SERTA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA. --BERNAMA 1640/0M